



EVERSAFE ACADEMY®
Steps To Success

MALAY

EA JOURNAL

FEBRUARY 2026 | 41ST ISSUE



www.eversafe.edu.sg



SCAN THE QR CODE
TO READ OUR ALL
PREVIOUS JOURNALS

EA Journal #41

FEBRUARY 2026

WE'LL KEEP YOU INFORMED WITH THE
NEWEST FACTS AND KNOWLEDGE.
PLEASE CONTINUE TO SUPPORT US.

SCAN THE QR
TO READ OUR ALL
JOURNAL ISSUES





Isi Kandungan

Mesej MD

Pencapaian Kami

Ciri-ciri & Kemuncak

Berita & Hala Industri

Kecanggihan Teknologi

Kisah Motivasi

Jurulatih Kami

Testimoni

Program Kesihatan & Kecergasan

Petua & Strategi Kesihatan

Berseronok dengan Teka-teki & Permainan

Paparan Media Sosial

Tanggungjawab Sosial Korporat – Acara CSR

Pelan Hijau EA

Kursus EA Terkini & Acara Akan Datang

Tentang Akadeemi Eversafe

Sky Yoga EA

Sertai Kami

1. Mesej MD

Pembaca yang Dihormati,

Salam Sejahtera daripada Akademi Eversafe!

Dalam kami memaparkan edisi ke-41 Jurnal EA bagi bulan Februari 2026, kami ingin mengimbau kembali detik-detik bermakna yang melibatkan sambutan, pembelajaran dan penglibatan komuniti.

Sepanjang beberapa bulan yang lalu, Akademi Eversafe telah berjaya meneruskan komitmennya dalam melahirkan individu yang cemerlang melalui pendidikan sambil memupuk inklusiviti, penghayatan budaya dan tanggungjawab sosial. Bermula daripada mengiktiraf sumbangan wanita dalam komuniti kami sehinggalah kepada penganjuran peluang pembelajaran sempena musim perayaan dan inisiatif CSR yang memberikan impak yang besar, setiap usaha ini mencerminkan dedikasi kami terhadap pembangunan yang holistik.

1. Perutusan Hari Wanita Antarabangsa

Sempena Hari Wanita Antarabangsa pada 08 Mac 2026, kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengiktiraf dan merayakan sumbangan tidak ternilai para wanita dalam organisasi kami dan di seluruh komuniti kami.

Di Akademi Eversafe, kami berbangga dengan dedikasi, kekuatan dan ketabahan yang ditunjukkan oleh para wanita yang memainkan peranan yang penting dalam membantu kami melakar kejayaan. Komitmen mereka terhadap kecemerlangan, minat yang mendalam terhadap pembelajaran dan keupayaan mereka untuk memberi inspirasi kepada orang lain, sentiasa menjadi pemangkin kepada kemajuan organisasi kami.



Kami berazam untuk mencipta persekitaran yang inklusif dan menyokong perkembangan supaya setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk berkembang, memimpin dan berjaya. Memperkasakan wanita bukanlah sekadar suatu matlamat, sebaliknya ia merupakan tanggungjawab yang kami tunaikan melalui tindakan dan nilai kami.

Marilah kita terus menyokong, menghormati dan memperkasakan antara satu sama lain dalam kita berusaha ke arah masa depan yang lebih inklusif dan progresif.

2. Hari Raya Puasa – Kelas-kelas Sempena Hari Perayaan di Akademi Eversafe

- Akademi Eversafe telah mengadakan kelas khas semasa Hari Raya Puasa pada 20, 21 dan 22 Mac, yang memberikan peluang kepada para pelajar untuk memanfaatkan cuti perayaan tersebut.
- Sesi-sesi pembelajaran ini mendapat sambutan yang baik, di mana ramai pekerja telah menggunakan masa cuti mereka untuk meningkatkan kemahiran dan menambah pengetahuan mereka. Inisiatif ini mencerminkan komitmen jitu para pelajar kami terhadap pembelajaran dan peningkatan diri yang berterusan, walaupun semasa musim perayaan.
- Akademi Eversafe sentiasa berdedikasi dalam menyediakan peluang pembelajaran yang fleksibel dan memperkasakan ahlinya untuk berkembang secara profesional sambil menyelaraskan komitmen peribadi mereka.

3. Aktiviti CSR: Latihan Kebakaran di Dormitori Woodlands

Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Akademi Eversafe telah menjalankan latihan kebakaran di Dormitori Woodlands yang terletak di 27 Woodlands Sector 1, Singapura 738252, pada 27 Mac.

Aktiviti tersebut telah diketuai oleh Pengurus Akademik Kanan dan Pengurus Pemasaran kami, yang telah membimbing para peserta melalui prosedur keselamatan kebakaran dan tindak balas kecemasan yang sangat penting. Sesi tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memperkukuhkan kesiapsiagaan dalam kalangan kakitangan dan penghuni, sekali gus memastikan yang mereka ini bersedia untuk bertindak balas dengan baik sekiranya berlaku kecemasan.

Latihan kebakaran tersebut menyaksikan penglibatan yang aktif daripada kakitangan dan penghuni dormitori, yang mencerminkan komitmen yang tinggi terhadap keselamatan dan kesiapsiagaan.

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Dormitori Woodlands di atas sokongan mereka dan di atas peluang yang diberikan kepada kami untuk menjalankan aktiviti yang bermanfaat ini untuk kakitangan dan penghuni mereka.


Akademi Eversafe kekal komited untuk mempromosikan kesedaran keselamatan dan memberikan sumbangan yang positif kepada komunitinya melalui inisiatif seperti ini.



4. Kelas Khas Good Friday

Dalam persiapan kami untuk memperingati Good Friday, Akademi Eversafe mengharapkan semua orang dapat memperoleh waktu renungan yang tenang dan bermanfaat.

Selaras dengan komitmen kami terhadap pembelajaran berterusan, kelas-kelas khas akan diadakan pada 3, 4 dan 5 April 2026. Kami menggalakkan para pelajar kami untuk memanfaatkan tempoh ini bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka.



Kami ingin mengucapkan selamat menyambut Good Friday yang diberkati dan penuh refleksi kepada semua pelajar, rakan kongsi dan kakitangan kami.

Memandang ke Hadapan

Dalam kami melangkah ke hadapan, Akademi Eversafe kekal teguh dalam misinya untuk menyediakan pendidikan berkualiti, mempromosikan pembelajaran yang berterusan dan menyumbang secara positif kepada masyarakat.

Inisiatif-inisiatif yang diketengahkan dalam edisi ini mencerminkan usaha kolektif pasukan, para pelajar dan rakan kongsi kami. Kami berazam dengan penuh yakin dan komitmen untuk mencipta lebih banyak peluang yang bermakna bagi pertumbuhan, penglibatan dan impak kepada komuniti.

DENGAN INGATAN
TULUS IKHLAS,



R. MURUGESH
(PENGARAH URUSAN)
EVERSAFE ACADEMY PTE LTD

2. Pencapaian Kami

Sejak 2008

KAMI DENGAN BANGGANYA MELAPORKAN,
KAMI TELAH BERJAYA MELATIH & MENGESAHKAN

963,625+

Pelajar

SETAKAT FEBRUARI 2026



3. Ciri-ciri & Kemuncak

1. Inisiatif Jawatankuasa Keselamatan EA: Jawatankuasa Keselamatan EA terdiri daripada ahli Pasukan Pengurusan EA dan beberapa panel senior dan jurulatih WSH yang berpengalaman.

JAWATANKUASA INI MENGAWAL SELIA:

- Pemantauan keselamatan harian
- Penilaian rutin keselamatan
- Pemastian kepatuhan di keempat-empat

cawangan latihan

• Mesyuarat bulanan bagi Disember telah dijalankan pada 27 Februari 2026 di Pioneer.

• Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Pengarah Urusan, En. Murugesh, bersama-sama ahli jawatankuasa yang lain. Jawatankuasa ini kekal komited dalam memperkukuhkan pengurusan keselamatan dan menambahbaik prestasi keselamatan operasi.

2. Pada 28 Februari 2026, Akademi Eversafe telah mengadakan bengkel Aktiviti Kokurikulum bertajuk "**Pengurusan Masa untuk Pelajar Bekerja.**" Bengkel tersebut melibatkan 20 peserta dan para pelajar telah dapat membina keyakinan dalam bertutur, meningkatkan kemahiran mendengar dan telah belajar untuk menyampaikan idea secara jelas dan profesional.



3. Kelas Komputer PERCUMA: Sepanjang bulan Februari 2026, Akademi Eversafe telah mengadakan Kelas Komputer, yang mana seramai 17 orang pelajar telah memperoleh pengetahuan asas tentang komputer dan kemahiran digital praktikal,

4. Akademi Eversafe telah mengadakan KURSUS PERCUMA YOGA UNTUK KECEMERLANGAN MANUSIA - KURSUS ASASI (Tahap 1) dalam bahasa Tamil dan Introspeksi Sky 01 dalam bahasa Tamil yang telah diadakan di Little India pada bulan Februari.

5. Hari Menyambut Pelajar Baru telah dijalankan pada 11 Februari 2026 di Little India untuk menyambut pelajar Diploma yang baru mendaftar dan membantu mereka untuk menyesuaikan diri ke dalam persekitaran akademik. Seramai 38 pelajar telah menyertai acara tersebut.

6. Tawaran Khas Tahun Baru Cina: Akademi Eversafe dengan bangganya telah mengadakan kelas khas semasa cuti Tahun Baru Cina, dan sesi-sesi tersebut merupakan satu kejayaan yang besar. Ramai pelajar telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini, sekali gus menjadikan sesi-sesi tersebut sangat produktif dan memberikan impak yang besar.

4. Berita & Hala Industri

Memperkasakan Standard Keselamatan Kenderaan - Menyepadukan pemeriksaan pengehad kelajuan ke dalam Senarai Semak Audit Pelaksanaan Pengurusan Risiko (RM) Keperluan Audit bizSAFE Baharu untuk Pengehad Kelajuan

Dalam kita melangkah ke tahun 2026, Majlis Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (WSH) telah menambah perkara baru yang penting pada Senarai Semak Audit Pelaksanaan Pengurusan Risiko (RM). Berkuatkuasa pada 1 Januari 2026, tumpuan yang lebih tinggi akan diberikan terhadap keselamatan kenderaan, terutamanya tentang pemasangan wajib pengehad kelajuan pada lori.

Latar Belakang dan Keperluan

Kemalangan trafik berkaitan kerja (WRTA) menyumbang kira-kira 10% secara konsisten daripada kematian tahunan di tempat kerja di Singapura. Data terkini menunjukkan trend kematian yang berubah-ubah tetapi berterusan:

- 1H 2024: 19 kematian, dengan 3 daripadanya berpunca daripada WRTA.
- 2H 2024: 24 kematian, dengan 1 daripadanya berpunca daripada WRTA.
- 1H 2025: 17 kematian, dengan 3 daripadanya berpunca daripada WRTA.

Memandu melebihi had laju kekal menjadi faktor utama dalam insiden-insiden ini, sekali gus meletakkan pemandu, penumpang dan pengguna jalan raya berisiko tinggi untuk menghadapi kecederaan. Bagi menangani isu ini, Audit Pelaksanaan RM bizSAFE kini menguatkuasakan pemeriksaan pengehad kelajuan sebagai satu keperluan mandatori bagi semua syarikat yang memiliki lori.



Pematuhan Mandatori dan Skop Kenderaan

Keperluan audit baharu ini adalah luas dan terpakai kepada setiap syarikat yang memiliki lori, tanpa mengira industri khusus (contohnya, logistik, pembinaan atau pembuatan).

Berita & Hala Industri

Jenis Kenderaan yang Terlibat
Juruaudit mestilah mengesahkan yang pengehad kelajuan telah dipasang pada semua jenis lori, termasuklah:

- Lori barangan dan lori plat-G.
- Lori kren.
- Lori dengan dek treler terbuka.
- Lori yang dilengkapi dengan kanopi dan pelindung hujan.



Penjelasan Kritikal

Keperluan audit baharu ini adalah luas dan terpakai kepada setiap syarikat yang memiliki lori, tanpa mengira industri khusus (contohnya, logistik, pembinaan atau pembuatan).

- **Tidak Mengira Berat:** Berbeza dengan beberapa keperluan Polis Trafik yang mungkin menetapkan julat berat, keperluan Majlis WSH ini terpakai kepada semua lori tanpa mengira Berat Muatan Maksimum (MLW).
- **Van Dikecualikan:** Van syarikat dikecualikan daripada keperluan pengehad kelajuan, walau bagaimanapun ia masih dinilai di bawah peraturan keselamatan kenderaan umum.
- **Lori Sewa:** Syarikat yang menyewa lori dianggap sebagai "pemilik" sepanjang tempoh penyewaan dan mesti memastikan kenderaan yang disewa mematuhi peraturan.
- **Peranti Amaran Kelajuan (SWD):** SWD tidak cukup untuk pematuhan audit, kerana ia hanya memberi amaran kepada pemandu dan bukannya mengehadkan kelajuan maksimum kenderaan secara fizikal.

Berita & Hala Industri

Panduan untuk Juruaudit dan Syarikat

Bagi membolehkan sesebuah organisasi itu lulus Audit Pelaksanaan RM, semua lori yang diisytiharkan perlu dipasang pengehad kelajuan. Sekiranya mana-mana lori didapati tidak mempunyai peranti tersebut, juruaudit mestilah menandakan 'Tidak' dan dilarang mengemukakan laporan tersebut kepada Majlis WSH.



Panduan Audit dan Keperluan Bukti

Untuk menyokong peralihan ke arah keselamatan kenderaan, sorotan audit Langkah Pengurusan Selamat (SMM) telah dialih keluar daripada senarai semak Audit RM pada 1 Januari 2026.

Berita & Hala Industri

Bukti Sokongan yang Diperlukan

Juruaudit dikehendaki mengesahkan pelaksanaan melalui:

1. Semakan Dokumen (DR): Invois rasmi daripada ejen pemasangan berautoriti atau laporan pemeriksaan kenderaan tahunan (contohnya, daripada VICOM).
2. Pemeriksaan Fizikal (PI): Pemeriksaan mengejut secara rawak pada lori di tapak untuk mengesahkan label pengehad kelajuan rasmi telah dilekatkan pada cermin hadapan.
3. Temu Bual Kakitangan (IP): Menilai sama ada amalan imbuhan, seperti bayaran mengikut perjalanan, memberi kesan yang negatif terhadap tingkah laku keselamatan.



Berita & Hala Industri



Kesimpulan dan Penyelarasan Kawal Selia

Keperluan mandatori untuk Audit Pelaksanaan RM bizSAFE adalah sangat berbeza daripada garis masa Polis Trafik (TP). Walaupun keperluan TP untuk model kenderaan tertentu membenarkan pemasangan di kemudian hari, syarikat yang menjalani audit bizSAFE mesti mempunyai pengehad kelajuan yang dipasang pada tarikh audit untuk mencapai keputusan "Ya".

Dengan menyepadukan pemeriksaan ini, industri akan bergerak lebih dekat ke arah matlamat "Luangkan Masa untuk Penjagaan" demi keselamatan dan kesihatan setiap pekerja.

Rujukan:

<https://www.tal.sg/wshc/resources/training-materials/training-slides/incorporating-speed-limiter-checks-into-risk-management-rm-implementation-audit-checklist>



Thanikachalam Rameshkumar
Ketua – Bahagian Akademik
Akademi Eversafe

5. Kecanggihan Teknologi

JURULATIH KESELAMATAN DIGITAL KINI SUDAH TERSEDIA

PEMBANTU AI MEMBIMBING PEKERJA DALAM MASA NYATA



Sebelum ini, kilang, tapak pembinaan dan gudang sentiasa bergantung pada kewaspadaan manusia untuk mencegah kemalangan. Topi keselamatan, manual latihan dan penyelia tradisional akan membentuk barisan pertahanan manusia merupakan mesin biologi yang tidak sempurna—kita sering terlepas pandang sesuatu bahaya, atau terganggu seketika.

Dalam persekitaran yang kritikal dari segi keselamatan, gangguan sesaat sahaja boleh mengakibatkan kecederaan.

Rakan teknologi baru kini sudah melangkah ke tapak kerja: jurulatih keselamatan digital yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan. Pembantu AI ini memantau persekitaran, membimbing pekerja dan memberi amaran tentang risiko dalam masa nyata, sekaligus mengurangkan kesilapan manusia secara drastik. Anggaplah ia sebagai jurulatih keselamatan halimunan yang sentiasa berada di samping setiap pekerja pada setiap minit syif tersebut.



Kecanggihan Teknologi



APAKAH ITU JURULATIH KESELAMATAN DIGITAL?

Jurulatih keselamatan digital ialah sistem dipacu AI yang memerhati keadaan tempat kerja dan menyediakan bimbingan segera kepada pekerja. Sistem-sistem ini menggabungkan teknologi seperti:

- Kamera penglihatan komputer
- Sensor boleh pakai dan topi keselamatan pintar
- Cermin mata realiti terimbuh (AR)
- Pembantu AI dan bot sembang keselamatan

Secara kolektif, teknologi ini menganalisis persekitaran dan tingkah laku pekerja secara berterusan. Apabila sesuatu risiko itu dikesan—seperti ketiadaan peralatan perlindungan, postur yang tidak selamat atau berada terlalu dekat dengan jentera—sistem tersebut akan segera memberikan amaran kepada pekerja atau penyelia.

BAGAIMANA AI MEMBIMBING PEKERJA DALAM MASA NYATA

Bayangkan seorang pekerja memasuki zon berisiko tinggi di dalam sebuah loji pembuatan.

Sistem keselamatan tradisional mungkin bergantung pada pemeriksaan berkala atau pelaporan manual. Namun, pembantu keselamatan AI berfungsi secara berbeza:

1. Pemantauan Persekitaran

Kamera dan sensor mengimbas ruang kerja untuk mengenal pasti bahaya seperti tumpahan, zon tidak selamat atau jentera yang terdedah.

2. Pengesanan Tingkah Laku

Penglihatan komputer menganalisis pergerakan pekerja untuk mengesan tindakan yang tidak selamat—seperti postur mengangkat yang salah atau ketiadaan PPE.

3. Maklum Balas Segera

Sekiranya seorang pekerja memasuki kawasan larangan tanpa topi keselamatan, sistem akan menghantar amaran dengan serta-merta ke peranti boleh pakai mereka atau penyelia.

4. Pembelajaran Berterusan

Sistem AI belajar daripada insiden dan kebiasaan pada masa lalu untuk meramalkan potensi risiko.

Kecanggihan Teknologi



PERKONGSIAN MANUSIA-AI

Walaupun mempunyai teknologi futuristik, jurulatih keselamatan digital bukanlah pengganti kepada ahli profesional keselamatan.

Ia memperkasakan mereka.

Manusia tetap mempunyai pertimbangan, pengalaman dan pengawasan etika. AI sekadar memperluaskan kesedaran manusia—umpama memberikan setiap pegawai keselamatan beribu-ribu mata dan telinga tambahan di seluruh fasiliti tersebut.

Hasilnya ialah satu kolaborasi yang hebat:

- Manusia menyediakan kepakaran dan membuat keputusan.
- AI menyediakan pemantauan berterusan dan amaran segera.

Mereka bersama-sama mewujudkan tempat kerja yang lebih selamat.

Tech Bites



MASA DEPAN KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

Seiring dengan evolusi Industri 5.0, tempat kerja akan menjadi semakin terhubung dan pintar. Sistem keselamatan akan menyepadukan AI, robotik, sensor dan alatan latihan yang imersif.

Tapak kerja di masa hadapan mungkin akan merangkumi:

- Topi keselamatan pintar dengan pembantu keselamatan yang diaktifkan oleh suara
- Kamera AI yang mendokumentasikan insiden keselamatan secara automatik
- Sistem ramalan yang meramalkan kemalangan sebelum ia berlaku
- Kembar digital yang mensimulasikan bahaya dalam masa nyata

Keselamatan akan beralih daripada penyeliaan berasaskan pematuhan kepada bimbingan pintar yang berterusan.

Dan dalam dunia tersebut, setiap pekerja akan memiliki sesuatu yang tidak pernah dimiliki oleh generasi terdahulu:

Seorang jurulatih keselamatan digital yang mengawasi mereka secara diam-diam.

RUJUKAN

1. ImageVision AI – Worker Safety Monitoring with Computer Vision. (ImageVision)
2. SafeCrew – Connected Worker Safety Monitoring Platform. (SafeCrew)
3. Singh et al. (2025) – A Multimodal Manufacturing Safety Chatbot. (arXiv)
4. Supporteo – AR-Based Industrial Assistance for Safety and Operations. (Supporteo)

6. Kisah Motivasi

SINGA DAN KUCING

Di sebuah hutan yang lebat, tinggal seekor singa yang gagah—raja segala haiwan yang tidak pernah tewas. Ngaumannya mampu menggegarkan pokok-pokok, dan kekuatannya sememangnya tiada tandingan. Semua haiwan takut dan menghormatinya.

Pada suatu hari, ketika singa itu sedang berjalan merentasi hutan, dia melihat seekor kucing kecil sedang duduk dengan tenang di atas sebuah batu. Kucing tersebut sedang membersihkan dirinya dengan penuh teliti, langsung tidak terganggu oleh kehadiran singa itu.

Dengan perasaan hairan, singa itu menghampirinya dan bertanya,

“Tidakkah kamu tahu siapa aku? Aku ialah raja hutan ini!”

Kucing itu mendongak, tersenyum lembut, lalu menjawab, “Ya, kamu kuat dan berkuasa. Namun, mengapakah saya perlu berasa takut?”

Singa itu tergamam. Tiada sesiapa pun yang pernah bercakap dengannya sedemikian rupa.

Dengan rasa ingin tahu, dia bertanya, “Bagaimanakah kamu boleh menjadi begitu berani sedangkan aku mampu menghancurkan kamu sekelop mata?”

Kucing itu berdiri dan berkata,

“Kamu mungkin lebih besar dan lebih kuat, namun kita berdua tergolong dalam keluarga yang sama. Perbezaannya bukanlah pada sifat semula jadi kita, tetapi pada keyakinan kita. Kamu percaya bahawa kamu adalah seorang raja, maka kamu bertindak sedemikian. Saya percaya pada diri saya sendiri, maka saya kekal tenang.”

Singa itu terhenti seketika. Buat kali pertamanya, dia menyedari sesuatu yang penting.

Kekuatan menjadikan kamu berkuasa, namun keyakinan menjadikan kamu berani.

Sejak hari itu, singa tersebut bukan sahaja memerintah dengan kekuatan, dia juga memerintah dengan kebijaksanaan—menghormati semua haiwan walaupun haiwan yang paling kecil.



PENGAJARAN

KUASA SEBENAR BUKANLAH PADA SAIZ ATAU KEKUATAN, TETAPI PADA KEYAKINAN DAN PERCAYA DIRI SENDIRI.

**OLEH – RAMBU PAUL DHINAKARAN G
PENGURUS KANAN – SUMBER MANUSIA**

7. Jurulatih Kami

MD KAMI EN MURUGESH MEMBERIKAN SIJIL
PENGHARGAAN LALUAN KECEMERLANGAN JURULATIH (TEP)

KEPADA JURULATIH CONTOH BAGI JANUARI 2026

FULL TIME TRAINERS



1. MR. DEVENTHIRAN
KRISHNAN



2. MR. WONG
KENG LAM



3. MR. ANWAR NIAZI
BIN MOHAMED

ASSOCIATE TRAINERS



4. MR. CHANDRA
SEGAR



5. MR. HANUMANTHASAMY
ASOKAN



6. MR. CHITRAMBALAM
MUNIYANDI



8. Testimoni

Nama syarikat-Lee Yuen Engineering Pte Ltd
Pengelola syarikat-Wati Talimin
Pengelola kursus-Nandhini.G



Anda sangat efisien dalam membalas e-mel kami dan juga mendaftarkan pekerja kami di AWSHPP, teruskan usaha cemerlang anda. Kami dengan sukacitanya akan bekerjasama lagi dengan anda dalam masa terdekat.



Nama syarikat-NES Global Pte. Ltd
Pengelola syarikat-Nurhafizah Kamis
Pengelola kursus-Florance Divia



" Saya hargai sokongan dan bantuan yang telah anda berikan. Anda telah banyak membantu dan sangat responsif di sepanjang perjalanan proses ini. Saya menghargai profesionalisme dan sokongan yang dihulurkan kepada saya."



Nama syarikat-T. G Engineering Pte Ltd
Pengelola syarikat- Ms Tan
Pengelola kursus-Madhumitha



Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Cik Madhu atas bantuan beliau semasa permohonan kursus saya. Beliau sangat sabar, mesra dan sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan. Sokongan beliau telah memberikan impak yang besar.



Nama syarikat-MAMA SHELTER SINGAPORE
Pengelola syarikat- Dante Benson
Pengelola kursus-Subashini



Saya menulis e-mel ini untuk memberikan maklum balas mengenai perkhidmatan pelanggan Cik Subashini. Cik Subashini telah memberikan maklum balas segera dengan penuh sopan dan sarat dengan maklumat. Urusan yang dilakukan bersama Cik Subashini adalah sangat memuaskan dan saya telah memberikan penilaian yang positif terhadap perkhidmatan pelanggan beliau. Terima kasih.



8. Testimoni

Nama Pelajar - David
Nama Kursus - WSHCM
Pengelola Kursus - Shenbagam



Saya berasa sangat senang semasa menempah kursus WSHCM. Cik Shenba telah memberikan perkhidmatan yang baik dan cemerlang, dan proses tersebut berjalan dengan lancar. Saya sangat berpuas hati dengan sokongan yang diberikan.



Nama Pelajar - Mario
Nama Kursus - MWSHCS
Pengelola Kursus - Shenbagam



Terima kasih, Shenba! Saya sangat senang menempah kursus MWSHCS dengan anda. Perkhidmatan anda sangat cekap dan profesional, dan saya menghargai perhatian peribadi yang anda berikan terhadap jadual saya. Selamat maju jaya dengan tugas anda pada masa hadapan!



Nama Pelajar - Hnin Nu Shwe Yee
Nama Kursus - DQS
Pengelola Kursus - Ms Revathi



"Baru-baru ini saya berurusan dengan Revathi mengenai pembatalan pas pelajar saya. Saya ingin memaklumkan kepada anda yang beliau telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Beliau sangat sopan dan menguruskan permintaan saya dengan pantas. Terima kasih, Revathi, atas sokongan anda yang hebat!



Nama Pelajar - CHENG CHUN CHIAN
Nama Kursus - MIAQ
Pengelola Kursus - Ashwini



Saya sangat menghargai perkhidmatan cemerlang yang telah anda berikan. Profesionalisme, maklum balas segera dan ketersediaan anda untuk membantu, layak mendapat pujian. Dedikasi anda memberikan gambaran yang sangat positif terhadap organisasi anda dan menetapkan standard kecemerlangan perkhidmatan pelanggan pada tahap yang tinggi.



9. Program Kesehatan & Kecergasan

KEPUTUSAN PERTANDINGAN KESIHATAN
AKADEMI EVERS SAFE – FEBRUARI 2026

HAI, KELUARGA AKADEMI EVERS SAFE!

MEMANG BENAR FEBRUARI ADALAH BULAN PALING PENDEK DALAM SETAHUN, NAMUN PARA PESERTA KAMI TELAH MEMANFAATKAN SEPENUHNYA SETIAP HARI DI DALAM BULAN INI! DENGAN AZAM YANG KUAT DAN USAHA YANG KONSISTEN, PARA PESERTA KAMI TELAH BERJAYA MENGEKALKAN MOMENTUM TERSEBUT.



Ms. EZHILMATHI

6,13,164 steps
(Leading the way with outstanding energy!)



Mr. SURYA PRAKASH

3,92,751 steps
(Stepping strong and staying focused.)



Mr. MANU MOHAN

3,73,936 steps
(Consistency that inspires us all!)

**TAHNAH KEPADA PARA JUARA BAGI BULAN FEBRUARI!
MARI KITA TERUSKAN PERJALANAN KITA KE ARAH KESIHATAN YANG LEBIH BAIK
LANGKAH DEMI LANGKAH.**

TERUSKAN MELANGKAH, AKADEMI EVERS SAFE!

10. Petua & Strategi Kesihatan

1. Teknik Palming (Merehatkan Mata Anda)


Gosokkan tapak tangan anda untuk menghasilkan haba. Letakkan tapak tangan tersebut dengan lembut di atas mata yang tertutup tanpa sebarang tekanan. Biarkan selama 1–2 minit.

2. Putaran Mata

Pandang ke atas, bawah, kiri dan kanan. Kemudian, putarkan mata mengikut arah jam dan lawan jam. Ulang sebanyak 5–10 kali.

3. Peralihan Fokus (Dekat & Jauh)

Fokus pada jari yang diletakkan dekat dengan hidung anda selama 5 saat, kemudian alihkan fokus ke objek yang jauh selama 5 saat. Ulang sebanyak 10 kali.



Eye Exercises For Better Vision

4. Tolakan Pensel

Pegang sebatang pensel pada jarak sepanjang lengan dan gerakannya perlahan-lahan ke arah hidung anda sambil mengekalkan fokus. Ulang sebanyak 5–10 kali.

5. Senaman Kelipan Mata

Kelipkan mata dengan pantas selama 10–15 saat, kemudian tutup mata dan berehat. Ulang beberapa kali.

6. Senaman Angka 8

Bayangkan simbol infiniti (∞) yang besar dan ikuti bentuknya perlahan-lahan dengan mata anda selama 30 saat bagi setiap arah.

PETUA:

LAKUKAN SENAMAN INI SETIAP HARI SELAMA 5–10 MINIT. PASTIKAN SETIAP PERGERAKAN DILAKUKAN DENGAN LEMBUT DAN BERHENTI SEKIRANYA ANDA BERASA SAKIT.

11. Berseronok dengan Teka-teki & Permainan

KUIZ Keselamatan Limbungan Kapal

Q1. Antara berikut, yang manakah merupakan kemalangan yang biasa berlaku apabila bekerja di tempat tinggi di limbungan kapal?

- A) Tergelincir dan tersadung
- B) Lemas
- C) Renjatan elektrik
- D) Keletihan

Q2. Apakah ketinggian minimum yang mewajibkan penyediaan perlindungan jatuh di limbungan kapal di bawah Peraturan WSH?

- A) 1 meter
- B) 2 meter
- C) 3 meter
- D) 4 meter

Q3. Sebelum memasuki ruang terkurung di atas kapal, yang manakah antara berikut perlu dilakukan TERLEBIH DAHULU?

- A) Memaklumkan kepada pegawai keselamatan
- B) Melakukan pengudaraan pada ruang tersebut
- C) Melaksanakan penilaian risiko dan mendapatkan permit kerja
- D) Memakai topi keselamatan

Q4. Antara gas berikut, yang manakah biasanya dikaitkan dengan kekurangan oksigen di dalam ruang terkurung?

- A) Hidrogen
- B) Metana
- C) Nitrogen
- D) Karbon dioksida

Q5. Aktiviti kerja panas di limbungan kapal merangkumi:

- A) Pemasangan elektrik
- B) Mengecat dengan cat berasaskan air
- C) Menganai atau mengimpal
- D) Kerja akses bertali

Q6. Apakah tujuan sistem Permit Kerja (PTW)?

- A) Untuk mengetahui waktu bekerja
- B) Untuk membenarkan kerja berisiko tinggi hanya selepas langkah-langkah keselamatan dilaksanakan
- C) Untuk menetapkan syif pekerja
- D) Untuk memantau produktiviti

Q7. Kelengkapan Pelindung Diri (PPE) manakah yang PALING sesuai untuk perlindungan pendengaran dalam persekitaran limbungan kapal yang bising?

- A) Gogel keselamatan
- B) Palam telinga atau penutup telinga
- C) Abah-abah keselamatan
- D) Pelindung muka

Q8. Menurut peraturan WSH, berapakah kekerapan peralatan mengangkat (contohnya, kren) perlu diperiksa oleh pemeriksa bertauliah?

- A) Setiap 6 bulan
- B) Setiap tahun
- C) Setiap 3 tahun
- D) Hanya apabila ia sudah rosak

Q9. Apakah tujuan utama Penilaian Risiko (RA) di limbungan kapal?

- A) Untuk memenuhi keperluan juruaudit WSH
- B) Untuk menganggarkan kos peralatan keselamatan
- C) Untuk mengenal pasti bahaya dan melaksanakan langkah kawalan
- D) Untuk meningkatkan produktiviti

Q10. Bilakah papan tanda dan label keselamatan perlu dipaparkan di limbungan kapal?

- A) Hanya semasa audit WSH
- B) Hanya untuk pekerja asing
- C) Apabila ada risiko berlakunya kemalangan
- D) Hanya di pejabat



Isikan jadual dengan jawapan yang sesuai (A, B, C, D)

Nombor Soalan	Jawapan
1	
2	
3	
4	
5	
6	
7	
8	
9	
10	

IMBAS KOD QR UNTUK MENGHANTAR TEKA-TEKI PADANAN KESELAMATAN YANG SUDAH DILENGKAPKAN.

Sila lengkapkan teka-teki padanan dan tangkap gambar untuk dimuatnaik melalui Kod QR kami beserta dengan butiran anda untuk berpeluang memenangi hadiah.



QUIZ DEVELOPED BY

Mr. Richard Sim
Academic Manager
Eversafe Academy Pte Ltd

LAST MONTH WINNERS



1st S\$50
MONDOL
AKASH



2nd S\$40
ABDUL VAHAB
KAMALUDEEN



3rd S\$30
MOHAMED
ABUBAKKAR
ABDUL

12. Paparan Media Sosial



Akademi Eversafe jangkauan dan Kesan untuk Januari 2026

SOCIAL
MEDIA
VIEWS

#1,170

VIEW
APLIKASI
TELEFON
BIMBIT

#30,976



YOUTUBE
IMPRESI - 837




Akademi Eversafe percaya bahawa mewujudkan kesedaran melalui Media Sosial boleh memberi impak positif kepada orang ramai dan komuniti pembelajaran. Akademi Eversafe telah menghasilkan video yang berguna dan bermaklumat di Saluran YouTube kami Akademi Eversafe.

Beberapa video terkini yang disiarkan di saluran kami adalah



01. Video Testimoni Pelajar

Video testimoni amat berharga untuk membentangkan pengalaman positif pelajar, tertakluk kepada perolehan keizinan yang diperlukan.



2. Video Maklumat Kursus

Menghasilkan video maklumat yang menarik dengan memperincikan kandungan kursus, tempoh dan yuran untuk mempromosikan kemahiran serta kursus permintaan tinggi secara berkesan, yang mana ia dapat meningkatkan kemajuan kerjaya secara signifikan merentasi pelbagai industri.



3. Video Umum & Keselamatan:

Akademi Eversafe telah menerbitkan video yang menggambarkan kursus bimbingan guru dan video kesedaran keselamatan berprofil tinggi pada Januari 2026.



13. Tanggungjawab Sosial Korporat

Akademi Eversafe meneruskan lagi inisiatif CSR untuk memupuk kesejahteraan fizikal dan mental pekerja asing melalui Kelas-kelas Yoga PERCUMA. Berikutan permintaan yang tinggi dan penglibatan peserta yang memberangsangkan, Akademi Eversafe telah melancarkan satu lagi batch yang dijadualkan bermula dari Mac 2026 hingga April 2026. Sesi-sesi ini bertujuan untuk membantu peserta meningkatkan kelenturan, mengurangkan tekanan dan mengekalkan kesihatan secara keseluruhan. Scheduled Dates:

Tarikh yang Dijadualkan:

- 11 Mac 2026
- 18 Mac 2026
- 25 Mac 2026
- 01 April 2026
- 08 April 2026
- 15 April 2026
- 22 April 2026
- 29 April 2026
- 06 Mei 2026
- 13 Mei 2026
- 20 Mei 2026
- 27 Mei 2026



Masa: 7:00 pm hingga 9:30 pm

2. Kelas Bercakap Bahasa Inggeris untuk Pekerja Asing

Sebagai sebahagian daripada usahanya untuk memperkasakan pekerja asing dengan kemahiran komunikasi yang penting, Akademi Eversafe akan mengadakan kelas bercakap Bahasa Inggeris. Objektif program ini adalah untuk membantu peserta membina kecekapan pertuturan bahasa Inggeris yang berkesan, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran mereka dan membolehkan mereka berkomunikasi dengan yakin dalam persekitaran profesional dan harian.

Tarikh yang Dijadualkan:

- 08 Mac 2026
- 15 Mac 2026
- 21 Mac 2026
- 22 Mac 2026
- 29 Mac 2026

Masa: 6:00 p.m. hingga 9:45 p.m



3. Latihan Kebakaran di Dormitori Woodlands.

Akademi Eversafe telah menjalankan Latihan Kebakaran di Asrama Woodlands untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan kebakaran dan tindak balas kecemasan. Aktiviti tersebut telah membantu peserta memahami prosedur pemindahan dan langkah-langkah keselamatan yang betul semasa berlakunya kebakaran.

Tarikh: 27 Mac 2026

Location: Dormitori Woodlands

Inisiatif ini mencerminkan dedikasi Akademi Eversafe terhadap kesejahteraan komuniti dan memperkukuhkan peranannya sebagai warga korporat yang bertanggungjawab.

14. Pelan Hijau EA

MEMINIMUMKAN PENGGUNAAN KERTAS MELALUI HAD PENGGUNAAN CETAKAN

**SAVE
PAPER
SAVE
TREES**



Akademi Eversafe memberi tumpuan kepada mengawal dan memantau penggunaan kertas dalam aktiviti percetakan. Had penggunaan kertas telah ditetapkan kepada jabatan dan disemak setiap suku tahun. Inisiatif ini membantu mengurangkan pencetakan yang tidak perlu, mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengurangkan kos operasi sambil menggalakkan tabiat percetakan yang bertanggungjawab di kalangan kakitangan.

Yang penting, ini juga menyumbang kepada Pelan Hijau Singapura 2030 dengan menyokong usaha kelestarian alam sekitar, menggalakkan penggunaan sumber yang cekap, dan menyelaraskan dengan matlamat negara untuk membinamasa depan yang lebih hijau.

15. Kursus EA Terkini & Acara Akan Datang

Akademi Eversafe Academy sedang menyiapkan dua program pengkhususan baru yang direka untuk memperkukuhkan kompetensi industri dan menyokong keperluan latihan yang kian berkembang.

Kursus Akan Datang:

1. Asas AutoCAD: Membina Kemahiran Teras 2D & 3D Anda
2. Pengurusan Trafik di Tempat Kerja untuk Ahli Profesional WSH (WTMP)

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan

- Tarikh: 30 Mac 2026
- Tempat: Little India
- Tujuan: Penilaian keselamatan operasi dan pematuhan bulanan di semua cawangan pusat latihan EA.

Bengkel: “Etika Tempat Kerja & Tingkah Laku Profesional”

- Tarikh: 28 Mac 2026
- Tempat: Platform Zoom
- Etika Tempat Kerja & Tingkah Laku Profesional merujuk kepada pengekal komunikasi yang penuh hormat, ketepatan masa dan kelakuan yang sewajarnya di tempat kerja. Ini akan membantu membina persekitaran yang profesional, meningkatkan kerjasama pasukan dan menyokong hubungan tempat kerja yang positif.

Kelas Khas sempena Hari Raya Puasa

- Tarikh: 21 Mac & 22 Mac
- Akademi Eversafe akan mengadakan kelas cuti khas sempena Hari Raya Puasa
- Tempah tempat duduk anda dengan hanya \$10 bayaran pendahuluan.
- Peluang yang baik untuk meningkatkan kemahiran anda sewaktu cuti dan melabur untuk kerjaya anda di masa hadapan.

16. Tentang Akademi Eversafe



Akademi Eversafe adalah institut latihan terkenal yang menyediakan latihan inovatif untuk memenuhi keperluan pelajar dewasa dan PMET di Singapura dan serantau. Kami adalah Penyedia Latihan yang terkenal dalam bidang WSH, dengan pasukan yang sangat berpengalaman dan ahli profesional keselamatan yang terlatih dan mampu memastikan keselamatan tempat kerja, kawalan kerugian korporat dan kepatuhan undang-undang. Kami mempunyai sekumpulan jurutera yang berpengalaman.

Kami membentuk set kemahiran pekerja, penyelia dan pengurus untuk memastikan mereka mempunyai pengetahuan secukupnya untuk menjalankan tugas mereka dengan selamat. Kami juga menganjurkan latihan untuk syarikat korporat.

Kami juga ditauliahkan dengan tanda standard kualiti Pentauliah EduTrust selama 4 tahun sebagai pengiktirafan kecemerlangan kami dalam pendidikan dan pengalaman pelajar yang berkualiti, sebagai Institut Pendidikan Swasta yang berdaftar.



2008

Year Established



150+

Courses



200+

Dedicated Staffs



23k+

Corporate Clients

17. Sky Yoga EA



**EVERSAFE ACADEMY
SKY MEDITATION CENTRE**
WCSC APPROVAL NO: WCSC/APP/SGP/054

**SCIENCE OF
UNIFIED LIVING**

A revolutionary insight blending Ancient Indian Wisdom
and Contemporary Science

Join Now



Imbas QR untuk
Melihat Kursus
Kami dengan
Lebih Terperinci.

Lawati laman web kami untuk maklumat lanjut:

www.eversafe.edu.sg/yoga-home

Kursus-kursus Kami:

1. YOGA UNTUK KECEMERLANGAN – KURSUS ASASI
2. YOGA KAYAKALPA
3. KURSUS INTROSPEKSI (I, II & III)
4. YOGA KANAK-KANAK
5. SIJIL DALAM YOGA UNTUK KECEMERLANGAN MANUSIA (CYHE)
6. DIPLOMA DALAM YOGA UNTUK KECEMERLANGAN MANUSIA (DYHE)



Kelas Bahasa
Tamil dan
Inggeris
Kini Tersedia!



For more info

Call: +65 6297-8417 | WhatsApp: +65 9381 3608

18. Sertai Kami

JAWATAN KOSONG

1. PEGAWAI PEMANTAUAN
2. KETUA PUSAT
3. EKSEKUTIF AKAUN
4. JURULATIH DIPLOMA
5. JURULATIH WSH

Email us your resume at
hrl@eversafe.com.sg

FOR MORE INFO CONTACT:
Call: (+65) 9059 6339
| www.eversafe.edu.sg

APPLY NOW



**WE HOPE YOU ENJOYED AND BENEFITTED
OUR 41ST ISSUE OF EA JOURNAL**



to read previous journals
www.eversafe.edu.sg/ea-journal/





Island wide 4 Locations

LITTLE INDIA



No. 2, Kampong Kapur Rd,
Singapore 208674

JOO KOON



No. 2, Joo Koon Road,
Singapore 628966

PIONEER JUNCTION



No.3, Soon Lee Street, #04-14,
16,17, Pioneer Junction,
Singapore 627606

WAN LEE



No. 2, Wan Lee Road,
Singapore 627934

WE ARE
ALWAYS WITH YOU
FOR YOUR
TRAINING NEEDS

+65 6297 8417 www.eversafe.edu.sg
+65 9381 3608 training@eversafe.com.sg



TALK TO _____
OUR EXPERT!

Scan to Visit
Our Website

